

180

OKTOBER INI: SEMINAR KAUNSELING KEBANGSAAN KALI KE-10

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 24 Ogos 2011 10:06

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

Lampiran-lampiran:  Borang Penyertaan.jpg (248 KB);

24 OGOS 2011/24 RAMADAN 1432H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM Seminar Kaunseling Kebangsaan Kali EDC-UUM 10 - 12 Oktober 2011

Pengenalan

Keluarga dan perkahwinan memainkan peranan yang sangat besar dalam kehidupan manusia. Semakin luas peranan sesebuah keluarga, semakin besar lagi masalah yang akan timbul. Kaunseling adalah salah satu kaedah penyelesaian yang sangat sesuai bagi menyelesaikan konflik dan masalah dalam keluarga dan perkahwinan. Data Statistik Perceraian Negeri Kedah 2010 mencatatkan sebanyak 2541 kes perceraian yang telah didaftarkan. Ini menunjukkan kadar perceraian yang sangat tinggi memberi kesan kepada peningkatan masalah sosial. Sehubungan dengan itu, dalam usaha menangani dan mengurangkan konflik rumahtangga, Pusat Kaunseling Universiti Utara Malaysia mengambil inisiatif untuk mengadakan Seminar Kaunseling Kebangsaan Kali Ke-10 dengan tema "Kaunseling Keluarga: Pengurusan Konflik Perkahwinan".

Objektif

- Mengetahui isu-isu perkahwinan dan keluarga masa kini.
- Memberi pendedahan mengenai Teori Struktural dan aplikasi dalam kaunseling keluarga dan perkahwinan.
- Mengenalkan Model Integratif sebagai intervensi dalam masalah keluarga dan perkahwinan.
- Mengaplikasikan *Solution Focus Brief Therapy (SFBT)* dalam kaunseling keluarga dan perkahwinan.
- Memberi pendedahan mengenai kaedah alternatif dalam mengendalikan sesi kaunseling perkahwinan.

Aturcara Program

10 OKTOBER 2011 (ISNIN)

1200 tgh : Pendaftaran

0230 ptg : Majlis Perasmian / Ucapan

Kaunseling Keluarga: Pengurusan Konflik Perkahwinan

0430 ptg : Minum Petang/Rehat

0830 mlm : Kertas Kerja 1 : Hubungan Antara Kerjaya Dengan Keluarga Terhadap Pencapaian Kerja

1030 mlm : Minum malam / Bersurai

11 OKTOBER 2011 (SELASA)

0830 pg : Forum — Teknik dan Strategi

Penyelesaian Masalah Perkahwinan dan Keluarga

1030 pg : Minum Pagi

1100 pg : Kertas Kerja 2 — *Solution Focus Brief Therapy (SFBT)* Untuk Kaunseling Perkahwinan

0100 tgh : Makan Tengahari / Rehat

0230ptg : Kertas Kerja 3 — Aplikasi Teori Struktural Dalam Kaunseling Keluarga dan Perkahwinan

0430 ptg : Minum Petang / Rehat

0830 mlm : Kertas Kerja 4 — Keperluan Kaunseling Bagi Menangani Isu Dadah Dalam Keluarga dan Perkahwinan

1030 mlm : Minum Malam / Bersurai

12 OKTOBER 2011 (RABU)

0830 pg : Kertas Kerja 5 : Pengetahuan Seks Dalam Perkahwinan

1030 pg : Minum Pagi

1100 pg : Rumusan / Penutup

0100 ptg : Makan Tengahari / Bersurai

Yuran Penyertaan

Bilik Seorang : RM 950.00

Bilik Berdua : RM 800.00

(termasuk penginapan, makan enam kali dan kit seminar)

Lawatan Ke Hadyai, Thailand

13 Oktober 2011

RM 150.00 SAHAJA !!!

Syarat-syarat Penyertaan:

1. Sila bawa bersama PASPORT/ "BORDER PASS".
2. Sila mohon kebenaran keluar negara daripada organisasi masing-masing.
3. Pengunjung hanya menyediakan pengangkutan dan penginapan sahaja, kos makan adalah tanggungjawab sendiri.

PERCUMA
LAWATAN KE HADYAI
Jika mendaftar awal
sebelum/pada
22 Ogos 2011
CEPAT !!! 20 penyertaan
sahaja!

*Kaunseling Keluarga
Pengurusan Konflik Perkahwinan*